## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 14 JUN 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br>5.<br><br>6.<br><br>7. | FACEBOOK RASMI MAT SABU KENA GODAM, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE<br>MAT SABU'S FACEBOOK HACKED, NATION, CHINA PRESS -A5<br>MAT SABU'S FACEBOOK ACCOUNT HACKED, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A19<br>MAT SABU'S FACEBOOK HACKED, NATION, SIN CHEW DAILY -8<br>CHAN: CLIMATE CHANGE BRING SEVERE IMPACT TO 3 INDUSTRY INCUR LOSS OF RM200 MILLION PAST 2, NATION, KWONG WAH YIT POH -A16a<br>AGRICULTURE AND OTHER SECTORS SUFFER NEARLY RM200mil LOSSES DUE TO FLOODS IN LAST 2 YEARS, NATION, CHINA PRESS -A6<br>AGRICULTURAL AND FISHERIES SECTORS SUFFER RM130mil IN LOSSES DUE TO FLOODS IN 2022, 2021, NEWS, GUANG NING DAILY -A8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 8. | BAJA: KAEDAH LAPUK CENGKAM PETANI, DALAM NEGERI, UM -8 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 9.<br>10. | 740kg DAGING KERBAU INDIA DIRAMPAS DI PELABUHAN, NEGARA, KOSMO -7<br>CUBAAN SELUDUP 3.3 TAN LIMAU KASTURI INDONESIA GAGAL, DALAM NEGERI, UM -8 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 11.<br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br><br>15. | MAN DENIES RM3 mil CHARGE, NATION, THE STAR -12<br>IFPSB, PTPPG TANDATANGANI MoA BINA EMPAYAR BEKALAN AYAM, NASIONAL, SH -20<br>KERAJAAN SELANGOR DISARAN WUJUD POLISI KHAS PELIHARA KUCING, ANJING, NASIONAL, SH -21<br>PROGRAM KORBAN LUAR NEGARA RESAHKAN PENTERNAK TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -33<br>TERPAKSA LEPASKAN AWANG, LOKAL, HM -12 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 16.<br><br>17.<br><br>18.<br><br>19.<br>20. | TERLALU BANYAK BEKALAN SOTONG DI TERENGGANU, SAMPAI MUAK MAKAN, NEGARA, KOSMO -18<br>LEKIR 'BLACK GOLD' RESCUE FISHERMEN FROM POVERTY, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10<br>JABATAN PERIKANAN TINGKAT PEMANTAUAN ELAK KEJADIAN KECURIAN HASIL KERANG BERULANG, ASTRO AWANI -ONLINE<br>KEBUN KERANG JADI SASARAN 'PENYAMUN LAUT'. LOKAL, HM -DOF<br>IKAN SANGKAR KAMPUNG KELOLA RASA ASLI SEPERTI IKAN LIAR, DALAM NEGERI, UM -32 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 21. | LADANG PADI LPP BAKAL HASIL BENIH BERKUALITI, DALAM NEGERI, UM -31 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 22.<br><br>23.<br><br>24. | KADA TAMBAH DUA RUMAH PAM BAHARU DI PASIR PUTEH, BACHOK, NEGARA, KOSMO -15<br>KADA CADANG BINA RUMAH PAM DI BACHOK, PASIR PUTEH, DALAM NEGERI, UM -30<br>RUMAH PAM BAHARU KADA DIJANGKA SELESAI MASALAH AIR, NEGERI KELANTAN, SH -2 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 25.<br>26.<br>27. | DURIAN BALING 'TIDAK JENUH', DALAM NEGERI, UM -31<br>DEMI BANTU RAKYAT SAYA AKAN 'FLIP-FLOP': PM, NASIONAL, BH -8<br>'SAYA AKAN BUAT KEPUTUSAN FLIP-FLOP DEMI BANTU RAKYAT', NEGARA, KOSMO -4 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | MALAYSIA DAILY NEWS | ONLINE | |

## Facebook rasmi Mat Sabu kena godam



Laman sosial Facebook rasmi milik Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu telah digodam kira-kira pukul 4 petang tadi, dan tidak boleh diakses oleh kesemua pentadbir akaun.

Pejabat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam kenyataan hari ini mengesahkan perkara itu dan memaklumkan bahawa usaha mendapatkan balik akses akaun Facebook dengan nama 'Mohamad Sabu' sedang dilaksanakan.

Menurut kenyataan itu sebarang status atau kenyataan yang dimuat naik di laman Facebook 'Mohamad Sabu' selepas waktu ia digodam adalah bukan daripada Mohamad atau pentadbir yang sah.

Semakan di laman Facebook Mohamad Sabu yang mempunyai 340,000 pengikut itu mendapati hantaran terakhir di laman sosial itu adalah berkenaan lawatan kerja beliau di Kelantan yang dimuat naik kira-kira pukul 3 petang hari ini.

*– Bernama*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan : Climate change bring severe impact to 3 industry incur loss of RM200 million past 2 | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 14 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A16a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 77 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 863 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,590 |



## 陈泓缣:气候变化影响3产业

# 近两年损失近2亿

（吉隆坡 13 日讯）气候变化对农业、养殖业与渔业造成严重影响，近两年令我国面对近 2 亿令吉损失。

农业及粮食安全部副部长陈泓缣披露，恶劣的气候不仅影响农作物收成，也会造成渔产欠收，其中 2021 年杪的水灾对农业、渔业和养殖业造成超过 9000 万令吉损失，涉及全国 7578 家农业食品业者。

他说，去年杪东北季风造成的水灾，也破坏东海岸的 1 万 3244 英亩农地，预计造成 4860 万令吉损失。

"此外，871 名水产养殖户和 81 家海鲜制品业者，也蒙受 5500 万令吉亏损。"



陈泓缣：气候变化，造成我国农业、养殖业与渔业，在近两年面对近 2 亿令吉损失。

陈泓缣周二在国会下议院，答复土著团结党比鲁兰国会议员拿督斯里罗纳建迪的质询时表示，气候变化也会加剧牲畜业者的营运成本，因不稳定天气容易导致牲畜染疫，像是猪只感染非洲猪瘟。

"气候变化除了造成农作物欠收，也会增加业者的营运费用，而农业及粮食安全部在过去两年，也通过重新发展农产食品计划（PPSPA）拨款 4590 万令吉，予受影响的业者。"

针对近期炎热天气造成农作物收成欠佳，陈泓缣则表示，农业部已通过数项举措和倡议来应对，包括鼓励发展适应气候变化的技术与自动化、加强研究、开发、商业化和创新（R&D&C&I）活动、提升水利灌溉基础设施、通过钻井系统进行雨水收集和地下水源搜索等。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu`s Facebook hacked | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 14 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 58 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,144 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,432 |



# 末沙布面書被盜號

（布城3日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布的官方面子书帐号在今午4时左右被盗号，帐号的所有管理员皆无法登入。

农业及食品安全部办公室发文告证实此事，并表示正在采取措施恢复名为“Mohamad Sabu”的面子书帐号。

文告指出，於上述时间后在“Mohamad Sabu”面子书发布的任何动态或声明，皆不是来自末沙布本人或受承认的管理员。

末沙布的面子书有34万名追随者，今午3时左右所发布的最后一条贴文显示，他在吉兰丹展开工作访问。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu`s Facebook account hacked | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 14 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A19 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 78 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 591 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,773 |



# 末沙布脸书被骇

（布城13日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布的官方脸书账号于今午4时左右被盗号，账号的所有管理员皆无法登入。

农业及粮食安全部办公室发文告证实此事，并表示正在采取措施恢复名为“Mohamad Sabu”的脸书账号。

文告指出，上述时间后在“Mohamad Sabu”脸书发布的任何动态或声明，皆不是来自末沙布本人或受承认的管理员。

末沙布的脸书有34万名追随者，今午3时左右所发布的最后一条贴文显示，他在吉兰丹展开工作访问。

末沙布的脸书一度被骇，管理员皆无法登入。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu`s Facebook hacked | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 14 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 8 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 41 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 908 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,724 |




# 末沙布臉書被駭

## 農業部：正嘗試取回帳號

（八打灵再也13日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布的脸书帐号于今午4时被骇。

农粮部长办公室发文告指出，所有的专页管理者目前都无法登入莫哈末沙布的官方脸书帐号。

"农粮部长办公室目前正在努力重新取回该脸书帐号的访问权限。"

文告指出，该脸书专页被骇后所发布的任何声明，都不是来自部长莫哈末沙布或该帐号的合法管理员。

记者也查看了莫哈末沙布的脸书专页，最后一则帖文是在下午3时左右发布，并分享了莫哈末沙布在吉兰丹的工作访问详情与照片。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture and other sectors suffer nearly RM200mil losses due to floods in last 2 years | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 14 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A6 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 99 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,953 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,859 |



## 過去2年水災
# 農業等領域損失近2億

（吉隆坡13日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓谦指出，2021年和2022年尾发生的水灾，导致农业、畜牧业、水产养殖和渔业领域，蒙受总值1亿9360万令吉的损失。



■陈泓谦

他说，2021年尾发生的水灾，导致农业、畜牧业和渔业领域蒙受逾9000万令吉的损失，影响全国各地7578名农产品领域业者。

“至于2022年尾发生的水灾所造成的农作物毁坏，则影响8166名农业领域业者，涉及1万3244公顷农地，预计损失数额达4860万令吉。

“全国各地也有871名水产养殖业者和81名渔业产品业者，在去年尾发生的水灾蒙受5500万令吉的损失。”

陈泓谦今日在国会下议院的问答环节，如是回答土团党比鲁兰区国会议员拿督斯里罗南建迪的提问。

副部长指出，农业及粮食安全部已为过去2年受到水灾影响的业者提供协助，包括通过农产品项目重新发展计以及稻米种植灾害基金，分别发放4590万和3340万令吉的拨款。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agricultural and fisheries sectors suffer RM130mil in losses due to floods in 2022, 2021 | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 14 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A8 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 124 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,419 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,257 |



# 陳泓縑：去年前年水災 農漁畜業損失1.3億

（吉隆坡13日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣指出，2021年和2022年发生的水灾，导致农业、渔业和畜牧业蒙受约1亿3860万令吉的损失。

他披露，2021年的水灾造成相关领域损失逾9000万令吉，约7578名农产食品业者受到影响，2022年的水灾则导致损失估计高达4860万令吉，影响约7578名农业食品业者。

"政府通过各种计划，向受水灾影响的农民和其他农业食品业者，提供7930万令吉的援助金。"

他今日在国会下议院问答环节中回应土团党比鲁兰区国会议员拿督斯里罗纳建迪的相关提问时说，有关计划包括向受病害和天然灾害影响的农民提供援助。

罗纳建迪提问过去两年，气候变化、天然灾害、病害和农药对粮食生产的影响，以及政府在减轻相关侵害对国家粮食安全的影响方面，所采取的措施。

陈泓缣表示，政府采取的策略包括鼓励业者采用以气候为基础的科技，例如可控环境农业、加大研究与开发的力度、改善水稻田排水和灌溉的基础设施等。(BPK)

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# 740kg daging kerbau dari India dirampas di pelabuhan



**SEBANYAK 37 kotak daging kerbau dari India dirampas di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor kelmarin.**

**JOHOR BAHRU** – Sebanyak 740 kilogram (kg) daging kerbau dari India bernilai RM11,700 yang diletakkan di dalam sebuah kontena dirampas di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini kelmarin.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor, Edie Putra Md. Yusof memberitahu, daging kerbau tersebut ditemui di dalam 37 kotak.

Menurutnya, pemeriksaan dibuat mendapati, nama pengimport tidak sama seperti yang dinyatakan pada sijil halal yang dikeluarkan.

"Semasa pemeriksaan dijalankan, Pegawai Penguasa Maqis menjumpai 37 kotak daging kerbau yang mempunyai tarikh penyembelihan, tarikh pembuatan, tarikh luput di dalam sebuah kontena dari India, namun rekod tidak selari dengan dokumen.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberi perakuan atau dokumen lain yang tidak tepat dan mengelirukan," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Tambahnya, seorang lelaki tempatan berusia 30-an yang bertindak sebagai ejen penghantaran telah ditahan untuk diambil keterangan sebelum dilepaskan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# Terlalu banyak bekalan sotong di Terengganu, sampai muak makan

**KUALA TERENGGANU** – Lambakan sotong ekoran musim mencandat pada masa ini menyebabkan pengguna di Terengganu seakan-akan muak untuk menikmati hasil laut berkenaan.

Walaupun harga sotong di pasar-pasar utama di bandar raya ini dan Kuala Nerus terus menurun sehingga RM26 sekilogram, permintaannya didapati tidak banyak meningkat.

Seorang peniaga, Azmi Mohamad, 58, berkata, walaupun bekalan banyak, jualan sotong agak statik terutama sejak berakhirnya musim cuti persekolahan minggu lalu.

"Lebihan penawaran daripada permintaan ini menyebabkan harga sotong terus menurun ke paras terendah dalam tempoh tiga tahun.

"Sebagai perbandingan, sotong pada musim mencandat tahun lalu boleh dijual pada harga lebih RM50 sekilogram," katanya ketika ditemui di Pasar Chabang Tiga di sini semalam.

Seorang lagi peniaga, Abd. Ghani Che Him, 47, berkata, segelintir pengguna tidak membeli sotong di pasar kerana boleh mendapatkannya pada harga lebih murah di jeti daripada pemancing yang pulang mencandat.

Tambahnya, tidak kurang juga yang mencandat sendiri sotong di sekitar perairan negeri berkenaan.

"Sebenarnya kualiti sotong candat kurang sedikit dan cepat 'merah' berbanding yang dijala nelayan, sebab itu ia dijual lebih murah.

"Apa pun, saya percaya harga sotong di negeri ini akan kembali stabil apabila musim mencandat mula mereda pada bulan Ogos depan," katanya.

Ab. Ghani berkata, dia mengedarkan lebihan sotong terbabit ke Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang dengan harapan harga dapat distabilkan secepat mungkin.

Sementara itu, seorang peniaga makanan laut, Wan Saiful Wan Manan menganggap penurunan ketara harga sotong tersebut adalah rahmat bagi peniaga makanan laut sepertinya.

"Banyak kos bahan mentah dapat dijimatkan yang membolehkan harga menu berasaskan sotong di kedai makan saya diturunkan sedikit," katanya.



**LAMBAKAN** sotong menyebabkan harganya kini semurah RM26 sekilogram di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

## Cubaan seludup 3.3 tan limau kasturi Indonesia gagal

**KLANG:** Cubaan menyeludup 3.3 tan metrik limau kasturi dari Indonesia bernilai RM3,525 tanpa permit import gagal apabila dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) di Pelabuhan Barat di sini, kelmarin.

Kesemua buah bernilai RM3,525 itu ditemukan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dalam sebuah kontena, kira-kira pukul 12 tengah hari.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, bahan makanan itu ditempatkan dengan pisang dalam kontena sama, kira-kira pukul 12 tengah hari ketika pemeriksaan rutin di pelabuhan tersebut.

"Semakan mendapati limau yang dibawa masuk itu tidak diikrar pada borang Kastam dan tiada permit import Maqis. Kesemua buah berkenaan ditahan bagi tindakan dan siasatan lanjut," katanya semalam.

Mohd. Sobri berkata, kes diklasifikasikan mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman di bawah Seksyen 11(3) akta sama iaitu denda tidak lebih RM100,000 atau penjara sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali.

"Maqis sentiasa memeriksa keluaran pertanian di setiap pintu masuk negara bagi memastikan tumbuhan, haiwan, karkas, ikan dan mikroorganisma yang diimport bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar," ujarnya.

> **"Limau yang dibawa masuk itu tidak diikrar pada borang Kastam dan tiada permit import Maqis. Kesemua buah berkenaan ditahan bagi tindakan dan siasatan lanjut."**
>
> MOHD. SOBRI MD. HASHIM

# Baja: Kaedah lapuk cengkam petani

Oleh ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN
zareen.hs@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kebergantungan kepada kaedah lapuk dan tiada pelan jangka masa pendek untuk mengawal pertambahan kos industri pertanian mengakibatkan para petani terus dihantui dengan masalah peningkatan harga bahan termasuk baja.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gerak Tani, Mazlan Aliman berkata, kementerian berkaitan harus aktif meneroka teknologi baharu termasuk bekerjasama dengan golongan pakar bagi menangani masalah tersebut.

"Kerajaan mesti menyediakan pelan jangka pendek contohnya jumlah subsidi munasabah demi kelangsungan kehidupan petani dan mekanisme baharu iaitu teknologi merawat tanah yang betul.

'Penggunaan baja yang terlalu tertumpu pada bahan kimia, ini diamalkan sejak dahulu. Kos meningkat tetapi hasil tetap tak berubah. Pakar-pakar tidak diberi peranan, peruntukan rendah malah terlalu kecil.

"Selain itu, prosedur tanaman kita juga kekal cara lama dan akhirnya pendapatan tidak meningkat. Dengan erti kata lain, negara kekal bergantung pada input yang dikumpul. Teknologi dan inovasi bagi merawat kualiti pertanian, memulih agar menitikberatkan kualiti tanaman tidak diberi perhatian,' katanya semalam.

### Pekebun sawit tertekan, harga baja naik lagi



UTUSAN Malaysia 12 Jun 2023.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, pekebun kecil sawit kini tertekan apabila sekali lagi harga baja naik 100 peratus ketika jualan semasa buah tandan segar jatuh RM600 hingga RM650 satu tan metrik.

Ia berbeza dengan jualan tahun lalu sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), apabila harga jualan di pusat timbangan buah sawit mencapai RM800 satu tan metrik. Situasi itu diburukkan dengan harga mencecah RM160 bagi satu guni baja kimia 50 kilogram (kg) berbanding harga sewaktu pandemik Covid-19 RM80 satu guni.

Mazlan berkata, industri pertanian sangat memerlukan bantuan pakar supaya kerajaan boleh memperbaharui kaedah yang digunakan petani dalam negara.

"Bagaimana nak tingkatkan pendapatan, jika pengetahuan mengenai" penjagaan tanah hanya bergantung pada baja yang sama semata-mata dan mengekalkan racun yang merosakkan tanah serta tanaman sedangkan opsyen lain tidak dimanfaatkan.

"Saya amat setuju bahawa kenaikan harga baja beri kesan buruk kepada pendapatan petani, pesawah dan pekebun kecil tetapi jika kerajaan tiada mekanisme atau polisi pertanian yang jelas dan terarah, masa hadapan sektor pertanian kekal malap seperti hari ini.

"Kita tidak ketandusan pakar-pakar tempatan. Beri mereka peluang. Masalahnya, kadangkala mereka diketepikan seolah-olah pakar tempatan tiada kebolehan dan kemampuan," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/6/2023 | THE STAR | NATION | 12 |



# Man denies RM3mil charge

## Ex-contractor pleads not guilty to cheating veterinary dept

**KUALA LUMPUR:** A former contractor has been charged with seven counts of falsifying invoices and delivery orders in a Sessions Court.

The charges relate to milking machines and the supply of cattle, with a total value exceeding RM3mil.

A. Dominic Antoni, 52, pleaded not guilty to all the charges before Judge Azura Alwi yesterday.

For the first two counts, Dominic was charged with submitting two delivery orders containing false statements to the Assistant Veterinary Officer regarding orders for a portable milking machine and a cooling tank totalling RM1.55mil which were actually never supplied.

The offence was allegedly committed at the Malaysian Veterinary Services Department at Wisma Tani, Precinct 4, Putrajaya Federal Government Administration Centre, between Jan 5 and March 25, 2016.

He was also charged with four counts of submitting delivery orders and invoices containing false statements regarding the supply of 441 cows, 171 of which were worth RM1.96mil, but were never supplied.

The offence was allegedly committed at the same location between April 16, 2015 and Sept 5, 2017.

On the seventh count, he was charged with submitting a delivery order containing false statements regarding the supply of a milking parlour machine worth RM350,000, which was never actually supplied.

The offence was also allegedly committed at the same place, between Sept 15 and Dec 17, 2015.

All the charges are framed under Section 18 of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) Act 2009 and can be punished under Section 24(2) of the same act, which provides a maximum prison sentence of 20 years and a fine of not less than five times the amount or value of the bribe or RM10,000, whichever is higher, if found guilty.

The court allowed the accused bail of RM150,000 with one surety and also ordered him to report to the MACC headquarters in Sungai Petani once a month. It fixed July 12 for mention.

Deputy public prosecutor from MACC Irwan Shah Abdul Samat prosecuted, while lawyer Karthigesan Shanmugam represented Dominic. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/6/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 20 |

# IFPSB, PTPPG tandatangani MoA bina empayar bekalan ayam

**SHAH ALAM** - Global Ikhwan Services & Business Holdings (GISBH) menerusi Ikhwan Fateh Poultry Sdn Bhd (IFPSB) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) bersama PT Putra Perkasa Genetika (PTPPG) sebagai usaha dalam membina empayar bekalan ayam di negara ini.

Pengerusi Eksekutif GISBH, Nasiruddin Mohd Ali berkata, usaha itu secara langsung dapat mewujudkan tabungan bekalan ayam dalam negara sekali gus membantu kerajaan dari segi keterjaminan makanan.

"Di GISBH ini kami telah buat penyelidikan, cari pengalaman berkenaan hal ayam ini sudah lebih lima tahun termasuk lihat di Turkiye, Mesir (pengurusannya). Rupanya baka ayam tidak ada orang Islam menguruskan.

"Empayar ayam itu maksudnya kita ada bekalan dan makanan, maknanya itu milik kita. Macam Eropah dan sebagainya, mereka ada (ayam) milik mereka sendiri, tetapi atas nama orang Islam, kita tidak ada.

"Jadi ini cita-cita dalam GISB untuk mewujudkan empayar ayam yang sekarang kita dah berjalan hampir 90 peratus dan tunggu kelulusan daripada kerajaan Malaysia sahaja," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Ujar beliau, perjanjian itu disaksikan sendiri oleh Menteri Pertanian Republik Indonesia, Dr Syahrul Yasin Limpo di sebuah hotel di Kota Padang, Sumatera Barat, Indonesia pada Jumaat.

Menurutnya; MoA itu juga bagi mengelakkan harga ayam dimonopoli oleh golongan kapitalis di negara ini.

"Sebagai orang Islam, kita boleh kawal harga dan bagi (bekalan ayam) kepada semua orang, bukan seperti syarikat kapitalis. Sesetengah orang bila ada lebihan ayam, mereka bakar ayam dan sebagainya itu kita pernah dengar.

"Dalam Islam, kalau ada lebih maknanya kita ada tabungan ayam. Kita dah senaraikan nama orang miskin, kita bagi (anak ayam) pada mereka, buat macam penternakan ayam kontrak.

"Lepas itu, kita bagi makanan dan sebagainya, mereka tinggal jaga (anak ayam) saja. Kemudian kita ambil balik, jadi tidak ada sebab kenapa kita perlu bakar anak-anak ayam," ujarnya.




**Nasiruddin (tiga dari kiri) bersama Direktur Utama PT Putra Perkasa Genetika, Renaldy Anggada (dua dari kanan) menunjukkan MoA yang ditandatangani oleh mereka dalam Temu Koordinasi dan Penandatangan Komitmen Bersama Mitra Pembiayaan dan Pelaku Usaha Agribisnis baru-baru ini.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Kerajaan Selangor disaran wujud polisi khas pelihara kucing, anjing



MOHD NOOR AZHREEN

**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri Selangor disarankan agar mewujudkan polisi khas kepada individu yang ingin mengambil kucing atau anjing sebagai haiwan peliharaan.

Aktivis haiwan jalanan, Mohd Noor Azhreen Shaari berkata, langkah itu lebih wajar berbanding menyekat atau melarang penjualannya supaya dapat mengelak penganiayaan serta eksploitasi haiwan.

"Anjing jalanan biasanya terdedah dengan penyakit sehingga mampu mengancam nyawa manusia dan mereka yang ingin mengambil haiwan jalanan akan mengeluarkan kos yang banyak antaranya perbelanjaan vaksin, proses memandulkan haiwan dan sebagainya.

"Jika dibeli di kedai haiwan terdapat eksploitasi di mana kucing kucing ini dijual dengan harga yang mahal kerana mempunyai baka yang unik dan penjagaan yang rapi," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Pada 12 Jun lalu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu Selangor, Ng Sze Han berkata, terdapat rancangan untuk melarang semua kedai haiwan peliharaan di Selangor daripada menjual kucing dan anjing bagi menggalakkan orang ramai mengambil haiwan peliharaan dari pusat perlindungan.

Ia bertujuan membantu negara mengurangkan kadar pembuangan haiwan peliharaan dan sekali gus menyokong pengambilan haiwan di pusat perlindungan sedia ada tanpa perlu melibatkan sebarang kos pembelian yang tinggi.

Dalam pada itu, Mohd Noor Azhreen berkata, langkah larangan itu tidak mengurangkan sepenuhnya pembuangan haiwan, tetapi kerajaan negeri perlu menyediakan rang undang-undang terhadap mereka yang mengabaikan haiwan peliharaan.

Tambahnya, kempen kesedaran secara menyeluruh adalah penting bagi memupuk masyarakat mencintai haiwan dan bukan melakukan pengabaian sehingga menganiaya kucing atau anjing.

"Kesedaran ini penting bagi mereka membuat pilihan sama ada ingin memiliki haiwan peliharaan dari kedai haiwan atau mengambil kucing dan anjing jalanan untuk dijaga," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Program korban luar negara resahkan penternak tempatan

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI
utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR GAJAH:** Keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya dan program korban luar negara yang lebih murah menjadi antara punca kemerosotan permintaan lembu tempatan untuk ibadah korban tahun ini.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, pemilik Ladang Fidlot Azfanur Enterprise, Siti Nur Fatimah Azman, 30, berkata, dia hanya menerima tempahan sebanyak 100 ekor lembu pada tahun ini berbanding 150 ekor tahun lalu.

Katanya, kebanyakan tempahan itu diterima daripada syarikat swasta, kerajaan negeri dan syarikat milik kerajaan (GLC) negeri.

"Permintaan lembu korban merosot pada tahun ini berikutan kelembapan ekonomi termasuk kuasa beli rakyat yang semakin terhad. Tahun lalu permintaan lembu didorong oleh kebenaran pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Impak tersebut turut dirasai penternak lain sehingga menjejaskan perniagaan mereka. Ada antara mereka yang terpaksa menutup terus operasi ladang dan menjual semua ternakan kerana tidak mampu mendapat pulangan modal.

"Selain itu, kami juga terpaksa bersaing dengan program korban di luar negara yang menawarkan harga jauh lebih murah," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, mengenai permintaan lembu sado yang turut dibela di ladangnya, Siti Nur Fatimah berkata, setakat ini belum ada tempahan untuk baka berkenaan susulan harganya yang mahal berbanding lembu biasa.

Menurutnya, ramai yang berminat untuk membeli namun tidak meneruskan hasrat itu setelah dimaklumkan tentang harga.

"Ada yang bertanyakan harga, apabila saya beritahu, mereka kata mahal. Pembeli kena faham harga lembu sado memang mahal iaitu antara RM10,000 hingga RM15,000 untuk berat 600 kilogram (kg) ke atas berbanding lembu baka Brahman yang berharga RM8,000 untuk berat 300 hingga 400 kg.

"Tahun lepas saya jual seekor lembu sado untuk korban yang berharga RM25,000 dengan berat 1,200 kg. Harga lembu sado di Malaysia masih mahal kerana bakanya tidak banyak, tetapi harganya lebih murah di luar negara seperti Thailand dan Indonesia," ujarnya yang menternak baka Limousine, Charolais dan Blue Belga.



**SITI Nur Fatimah Azman memberi makan lembu untuk ibadah korban di ladang ternakannya di Kampung Ayer Hitam Darat, Tanjung Bidara, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 12 |

# Terpaksa lepaskan Awang

## *Penternak jual lembu sado pada harga RM14k penuhi permintaan sempena Aidiladha*

**Oleh Mohd Rafi Mamat**
am@hmetro.com.my

**Kuantan**

Seorang penternak lembu sado mengambil keputusan untuk menjual seekor lembu sado baka Charolais dengan harga RM14,000 bagi memenuhi permintaan pembeli untuk dijadikan korban pada Aidiladha ini.

Muhamad Taufiq Ramzi, 30, berkata walaupun hatinya berat untuk menjual lembu seberat lebih 500 kilogram (kg) itu, dia terpaksa berbuat demikian disebabkan faktor harga makanan (pallet) yang semakin mahal.

Menurutnya, dia nekad mengambil keputusan untuk menjualnya bagi mengelak kerugian lebih besar yang terpaksa ditanggung.

"Saya terpaksa pejam mata menjual Awang selepas menjaganya lebih dua tahun. Ikutkan hati tidak sanggup menjualnya, tapi apakan daya keadaan memaksa.

"Harga makanan (pallet) meningkat hampir setiap minggu dan harga terkini ialah RM48 untuk 50kg dan seekor lembu sado memerlukan 15kg hingga 20kg makanan sehari bergantung kepada saiz," katanya.

Taufiq yang menternak lembu di Kampung Pandan Satu, dekat sini, berkata dia kini memiliki 20 lembu sado betina baka Charolais dan Limousine dengan berat antara 400kg hingga 700kg.

Menurutnya, setiap kali menjelang Aidiladha, permintaan terhadap lembu sado untuk dijadikan korban begitu menggalakkan walaupun harganya tinggi berkali ganda berbanding lembu baka tempatan.

Katanya, harga lembu baka tempatan kini dijual antara RM4,000 hingga RM6,000 seekor bergantung pada saiz.

"Permintaan terhadap lembu untuk dijadikan korban pada Aidiladha kali ini begitu menggalakkan dan bercadang menambah jumlah ternakan bagi memenuhi permintaan pelanggan," katanya yang turut menternak ayam daging.



LEMBU sado baka Limousine.



MUHAMAD Taufiq bersama lembu sado baka Charolais yang dijual dengan harga RM14,000 untuk dijadikan korban pada Aidiladha. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

| Headline | Lekir `black gold` rescues fishermen from poverty | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 14 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 10 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 479 cm² |
| Journalist | Syamslah Sahat | AdValue | RM 6,532 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 19,595 |




Coastal fisherman and prawn rearer Mohamad Mohamed Idris, who heads one of the cockle farming lots on the project site, earns about RM7,000 a month. — Bernama photos



Mohd Salleh Yunus




The waters off Lekir Valley are among the best sites in the country for the cultivation of high-quality cockle seeds and breeding of premium-grade cockles.



The cockles produced at Kebun Kerang Lekir can reach up to 45 millimetres in width.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 14/6/2023 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Jabatan Perikanan tingkat pemantauan elak kejadian kecurian hasil kerang berulang

*Low Chee Leong berkata setakat ini pihaknya telah menerima satu laporan berhubung kecurian hasil kerang yang diusahakan daripada projek itu bulan lepas.*

**JASIN:** Jabatan Perikanan akan meningkatkan pemantauan dan rondaan di Kebun Kerang Melaka di perairan Sebatu di sini bagi mencegah kejadian curi hasil ternakan di kawasan berkenaan.

Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Low Chee Leong berkata setakat ini pihaknya telah menerima satu laporan berhubung kecurian hasil kerang yang diusahakan daripada projek itu bulan lepas.

Beliau berkata walaupun kes kecurian itu tidak serius, namun pihaknya tetap mengambil langkah berjaga-jaga bagi mencegahnya, memandangkan kerang di kebun itu mendapat permintaan tinggi selaras dengan kualiti hasil ternakan di kawasan itu yang baik.

"Kita beri amaran mana-mana pihak supaya tidak melakukan aktiviti yang menyalahi peraturan selain tidak akan berkompromi dengan mereka yang terlibat melakukan kegiatan yang tidak bertanggungjawab itu," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Bayaran Insentif Sara Hidup Sekali Beri Fasa 2 dan 3 kepada Nelayan Negeri Melaka di Merlimau di sini pada Selasa.

Katanya projek Kebun Kerang Melaka itu dilihat mampu memberi pulangan lumayan kepada peserta terlibat sekali gus dapat meningkatkan pendapatan nelayan, dan tidak terlalu bergantung kepada hasil tangkapan di laut semata-mata.

Terdahulu Low berkata 306 nelayan menerima bayaran insentif sara hidup dengan melibatkan jumlah RM135,000 dalam majlis berkenaan.

Katanya menerusi bantuan itu ia diharap mampu mengurangkan beban nelayan yang dilihat turut memerlukan bantuan dan perhatian melibatkan sumber kewangan atau bentuk bantuan lain bagi menampung kelangsungan hidup mereka.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |

# Kebun kerang jadi sasaran 'penyamun laut'

**Jasin:** Kebun Kerang di perairan Kuala Sebatu di sini, kini menjadi sasaran 'penyamun laut' untuk mencuri kerang dan Jabatan Perikanan negeri kini melakukan rondaan serta pemantauan bagi membanteras kegiatan terbabit.

Timbalan Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Low Chee Leong berkata, langkah itu susulan terdapat satu kes kecurian hasil ternakan berkenaan membabitkan seorang nelayan tempatan, beberapa minggu lalu.

Katanya, nelayan berusia 40-an itu ditahan ketika sedang 'mengaut' kerang yang diternak di beberapa lot ternakan di Kuala Sebatu.

"Nelayan itu ditahan oleh rakannya yang juga nelayan di situ yang kebetulan berada di sekitar kawasan ternakan berkenaan sebelum diserah kepada polis.

> *Hasil siasatan Jabatan Perikanan negeri, nelayan itu bukan peserta Kebun Kerang berkenaan dan mahu mencuri hasil ternakan itu untuk dijual. Ketika ditahan, dia sudah mengaut hampir 10 kilogram kerang"*
>
> **Low Chee Leong**

"Hasil siasatan Jabatan Perikanan negeri, nelayan itu bukan peserta Kebun Kerang berkenaan dan mahu mencuri hasil ternakan itu untuk dijual. Ketika ditahan, dia sudah mengaut hampir 10 kilogram kerang," katanya.

Beliau ditemui selepas menghadiri Majlis Penyampaian Bayaran Insentif Sara Hidup Secara *One-Off* kepada nelayan Melaka di Dewan Datuk Haji Ahmad Ithnin Merlimau di sini, semalam.



CHEE Leong (tujuh dari kiri) dan nelayan daerah Jasin pada Majlis Penyampaian Bayaran Insentif Sara Hidup Secara *One-Off* kepada nelayan Melaka di Dewan Datuk Haji Ahmad Ithnin, Merlimau.

Chee Leong turut menasihatkan nelayan supaya bekerjasama menangani kegiatan tidak bertanggungjawab itu bagi memastikan hasil usaha mereka tidak diceroboh serta dirampas pihak lain.

Pada masa sama, beliau berkata, Jabatan Perikanan negeri akan sentiasa berhubung dengan nelayan yang menyertai program kebun kerang terbabit selain turun padang untuk memantau perkembangan hasil ternakan berkenaan.

Berkaitan program berkenaan, beliau menasihatkan nelayan yang menerima bayaran terbabit supaya memanfaatkannya untuk pekerjaan hakiki mereka.

"Pada masa sama, mereka boleh memanfaatkan untuk menambah ekonomi keluarga. Bantuan ini diharap dapat meringankan sedikit beban kewangan mereka," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |

# Ikan sangkar Kampung Kelola rasa asli seperti ikan liar

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulia.com.my

**JERANTUT:** Penternakan ikan sangkar di Kampung Kelola di sini mempunyai kelainan tersendiri apabila pelbagai spesies seperti patin, patin buah, tilapia, belida, juara, kerai, jelawat dan kelah merah diternak dalam satu sangkar.

Pemiliknya, Hamizi Abdul Hamid, 45, berkata, projek ternakan ikan melibatkan 36 sangkar itu diusahakan sejak Disember 2021 walaupun tiada pengalaman menternak secara komersial.

Bagaimanapun, katanya, berbekal minat dan pengalaman sebagai anak kampung yang hidup membesar di Sungai Pahang, dia meneruskannya dengan pelbagai spesies ikan Sungai Pahang diternak dalam satu sangkar.

"Alhamdulillah, walaupun pelbagai spesies diternak dalam satu sangkar, ia 'menjadi' dan rasa ikan adalah asli seperti ikan liar Sungai Pahang," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, di sini semalam.

Hamizi berkata, benih ikan diternaknya itu bukan sahaja diperoleh dari pembekal tetapi hasil tangkapan jaring dan jala.

"Setiap sangkar diisi sebanyak 2,500 ekor benih ikan tetapi membesar hanya antara 200 hingga 300 ekor dalam tempoh enam bulan.

"Baki ikan yang matang dan boleh dipasarkan dapat menampung kerugian serta masih untung walaupun kadarnya rendah," katanya.

Menurutnya, dengan bantuan empat pekerja termasuk seorang anaknya, Mohd. Alip Ridzuan, 16, projek itu berkembang sekali gus dia menjadi salah satu pembekal ikan patin dan lain-lain spesies di daerah ini.

Hamizi berharap orang ramai tidak mengeluh apabila harga ikan patin mencecah RM22 sekilogram kerana kenaikan harga makanan ikan dan kebolehan hidup ikan semakin menyusut.



**HAMIZI Abdul Hamid (kiri) dan Mohd. Alip Ridzuan bermain dengan ikan kerai di dalam sangkar di Kampung Kelola, Jerantut, Pahang. – UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# Durian Baling 'tidak jenuh'

Oleh NORLIA RAMLI

**BALING:** Musim durian tahun ini 'tidak jenuh' atau semeriah seperti tahun-tahun lalu yang kerap berlaku lambakan atau pesta durian di daerah ini.

Baling salah satu kawasan di Kedah terkenal dengan pengeluaran buah durian dalam kalangan penggemar raja buah itu dan peniaga.

Peraih buah durian, Mohd. Ridzuan Mohd. Syahid, 43, berkata, pengeluaran buah durian pada tahun ini tidak banyak dan dia sendiri tidak mengambil buah tersebut daripada pemilik dusun dalam kuantiti yang banyak kerana permintaan daripada orang ramai turut berkurang.

"Sudah sebulan musim durian gugur, tetapi baharu sehari dua ini saya membeli durian daripada penduduk kampung berikutan hasil pengeluaran buahnya agak berkurangan dan tiada permintaan daripada pembeli-pembeli dari luar Baling.

"Tahun-tahun lalu saya boleh dapat lebih 1,500 kilogram (kg) pada sebelah pagi setiap hari, tetapi tahun ini hanya 300 hingga 400kg buah durian yang mampu dikumpul daripada penduduk kampung," katanya ketika ditemui di Kampung Tok Dolah, Teluk Sera, semalam.

Menurutnya, faktor cuaca terlalu panas sejak awal tahun ini dan kurang hujan menjejaskan kualiti pengeluaran bunga durian yang 'tidak lekat' untuk menghasilkan buahnya.

"Seeloknya keadaan cuaca seharusnya diselang-seli antara musim panas dan hujan yang tidak keterlaluan, baru bunga durian dapat berkembang dengan elok bagi membentuk putik buahnya dan membesar dengan sempurna serta berkualiti," katanya.

Pemilik dusun, Halim Abdullah, 42, dari Kampung Tok Diah Teluk Sera berkata, pengeluaran durian di kebunnya juga diakui berkurangan tahun ini.

"Pagi ini hanya sebakul sahaja durian yang dikumpul berbanding tahun lalu boleh dapat sehingga empat bakul sehari dan sebelah petang pula memang kurang buah yang gugur.

"Tahun lepas memang seronok, ibarat pesta kami kumpul durian, jenuh mengutipnya dan masing-masing berulang-alik ke kebun untuk bawa keluar durian dan menjual dengan keuntungan yang berlipat ganda," katanya.

Pemborong dan pembekal buah, Mohd. Fadil Che Ree, 57, berkata, tahun lalu dia memborong lebih dua tan durian sehari daripada penduduk yang mempunyai dusun di sekitar Mukim Pulai, tetapi tahun ini hanya satu tan yang mampu dikumpulkan.

"Durian ini dikumpulkan di gerai saya setiap pagi, kemudian ia dibeli oleh peniaga-peniaga besar untuk mereka jual semula di kawasan lain seperti Sungai Petani, Alor Setar, Bukit Mertajam dan kawasan-kawasan lain," katanya.

Katanya, durian yang dikumpul itu dijual dengan harga RM6 per kg bagi gred A, manakala gred C hanya RM3.



MOHD. Ridzuan Mohd. Syahid (kiri) menerima buah durian yang dihantar oleh penduduk di Kampung Tok Dolah Teluk Sera, Baling, Kedah, semalam. - UTUSAN/NORLIA RAMLI

# Ladang padi LPP bakal hasil benih berkualiti

**POKOK SENA:** Ladang padi kelolaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di Kubur Panjang dekat sini yang seluas 350 hektar dan bernilai RM350 juta akan menghasilkan benih padi berkualiti untuk negeri ini dan Selangor.

Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar berkata, langkah itu juga dapat memastikan pihak penguatkuasa Kawalselia Padi dan Beras dapat siasat dan perincikan siapa sebenarnya dalam kalangan pembekal sedia ada yang membekalkan benih tidak berkualiti.

"Sehubungan itu kerajaan diminta memberi perhatian terhadap loji benih padi kelolaan LPP, Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) serta syarikat milik kerajaan (GLC) bagi membolehkan pembekalan lebih banyak benih padi pada masa akan datang," katanya selepas Majlis Penyerahan Bakul Makanan kepada Asnaf Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pokok Sena, semalam.

Katanya, langkah itu bagi memastikan kerajaan tidak terlalu bergantung kepada pihak lain sekiranya berlaku sebarang krisis luar jangka selain memastikan benih-benih padi yang dibekalkan kepada petani mencapai kualiti ditetapkan.

"Sekurang-kurangnya 30 peratus daripada keperluan benih padi dalam negara ini setiap tahun perlu disediakan GLC, LPP dan PPN. Setakat laporan diterima, benih-benih disediakan GLC termasuk Felcra Berhad tiada rekod buruk kerana sentiasa disediakan mengikut penyeliaan oleh Jabatan Pertanian," katanya.

Baru-baru ini pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendakwa kualiti sebahagian benih padi yang dibekalkan kepada pesawah berada pada tahap mengecewakan dan langsung tidak bercambah apabila direndam dalam air.

Mereka mendakwa, isu itu bukan sesuatu yang baru namun gagal diselesaikan agensi-agensi kerajaan terlibat sejak sekian lama.

Sementara itu Mahfuz berkata, pihaknya sedang mengenal pasti jumlah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam kalangan keluarga di bawah PPK yang tidak mahu menyambung pelajaran selepas mendapat keputusan peperiksaan itu.

"Kami minta pengurusan PPK bertemu keluarga dan pelajar agar mereka dapat dipimpin tentang keperluan menyambung pelajaran. Mungkin mereka boleh menelusuri laluan kemahiran kerana bidang Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mendapat permintaan industri," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# Kada tambah dua rumah pam baharu di Pasir Puteh, Bachok



MUHAMMAD (dua dari kanan) bertemu dengan kakitangan Kada di Ibu Pejabat Kada, Kota Bharu semalam.

**KOTA BHARU** – Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) bercadang untuk membina dua rumah pam khas bagi mengatasi masalah pengairan sawah padi di daerah Pasir Puteh dan Bachok.

Pengerusi Kada, Muhammad Husain menjelaskan, kekurangan air di dua daerah berkenaan merupakan masalah besar dihadapi Kada ketika ini dan cadangan berkenaan telah dibawa ke peringkat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Menurutnya, kedua-dua rumah pam berkenaan dicadangkan untuk dibina di Pasir Puteh dan Bachok dengan melibatkan kos mencecah kira-kira RM40 juta.

"Melalui perbincangan yang diadakan, kementerian meminta Kada memberikan tumpuan kepada masalah pengairan di Pasir Puteh dan Bachok supaya tidak perlu bergantung kepada Rumah Pam Kemubu 2.

"Perkara tersebut masih di peringkat cadangan. Kita diminta untuk mengenal pasti lokasi rumah pam itu untuk proses pengambilan tanah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melaporkan diri sebagai Pengerusi Kada yang baharu di Ibu Pejabat Kada, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Muhammad memberitahu, Kada ketika ini menyelia tanah sawah seluas 6,000 hektar di Pasir Puteh dan Bachok yang melibatkan seramai 3,000 petani.

Menurutnya, selain itu, keseluruhan kawasan pertanian Kada pula merangkumi keluasan lebih 26,000 hektar dengan lebih 7,000 petani.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# KADA cadang bina rumah pam di Bachok, Pasir Puteh

**KOTA BHARU:** Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) bercadang membina rumah pam di Bachok dan Pasir Puteh dalam usaha menyelesaikan masalah bekalan air yang sering menghantui petani di kawasan tersebut.

Pengerusinya, Muhamad Husain berkata, pembinaan yang menelan belanja sekitar RM40 juta mampu memberikan kelegaan kepada lebih 3,000 petani yang mengusahakan 9,750 hektar padi di kedua-dua kawasan tersebut.

"Buat masa ini KADA sedang melakukan kajian dan mencari lokasi terbaik untuk membina rumah pam tersebut.

"Pembinaan itu merupakan salah satu usaha terbaharu yang diambil KADA dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para petani," katanya kepada pemberita selepas melaporkan diri pada hari pertama sebagai Pengerusi KADA di sini semalam.

Muhamad memberitahu, usaha tersebut selari dengan ketetapan yang buat oleh kerajaan serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam usaha meningkatkan lagi sistem pengairan kawasan padi bawah seliaan KADA.

Katanya, usaha berterusan tersebut bertujuan memastikan bekalan makanan negara terutama beras mencukupi untuk keperluan rakyat.

Dalam perkembangan lain, Muhamad berkata, projek pembinaan pam Kemubu 3 yang bernilai RM27 juta sudah bermula pada 1 Jun lalu.

Katanya, projek yang dijangka siap pada Jun 2025 itu mampu menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan KADA apabila ia boleh menyedup air sungai di paras yang lebih rendah iaitu 2.0 berbanding 3.4 meter ketika ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI JOHOR | 26 |

# Maqis rampas 740 kg daging kerbau dari India

FOTO: MAQIS



Daging kerbau dari India yang dirampas Maqis di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.

**PASIR GUDANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyita 740 kilogram (kg) daging kerbau dari India bernilai RM11,700 di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.

Maqis dalam kenyataan berkata, rampasan itu hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan oleh pegawai penguasa pada jam 5 petang.

"Hasil pemeriksaan telah menemukan sebanyak 37 kotak daging kerbau di dalam satu kontena.

"Kesemua kotak tersebut mempunyai tarikh penyembelihan, tarikh pembuatan, tarikh luput dan nama pengimport yang tidak sama seperti yang dinyatakan pada sijil halal yang dikeluarkan.

"Seorang lelaki tempatan berusia 30an yang bertindak sebagai ejen penghantaran diambil keterangan untuk membantu siasatan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberikan maklumat mengelirukan dalam pengimportan di bawah akta ini.

Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI KELANTAN | 25 |

# Rumah pam baharu KADA dijangka selesai masalah air

**KOTA BHARU** - Pembinaan rumah pam baharu yang dianggarkan bernilai RM40 juta oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Bachok dan Pasir Puteh dijangka mampu menyelesaikan masalah bekalan air ke sawah padi di kawasan berkenaan.

Pengerusinya, Muhamad Husain berkata, cadangan itu sekali gus memberi manfaat kepada lebih 3,000 petani di kedua-dua kawasan tersebut.

"Ini salah satu ikhtiar terbaharu KADA dalam menyelesaikan masalah dihadapi oleh petani yang melibatkan kawasan tanaman seluas 9,750 hektar.

"Buat masa ini kita sedang melakukan kajian dan mencari lokasi terbaik untuk membina rumah pam tersebut.

"Langkah itu selari dengan hasrat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk meningkatkan lagi sistem pengairan di KADA," katanya kepada pemberita selepas melaporkan diri pada hari pertama sebagai Pengerusi KADA di sini pada Selasa.

Dalam perkembangan lain, Muhamad memberitahu, projek pembinaan pam Kemubu 3 bernilai RM27 juta yang bermula 1 Jun lalu dan dijangka siap pada Jun 2025 itu mampu menyelesaikan masalah bekalan air di kawasan KADA.

"Pam ini boleh menyedut air di paras yang lebih rendah iaitu 2.0 berbanding 3.4 meter ketika ini," katanya.



**Muhamad (kiri) menyampaikan ucapan di hadapan kakitangan KADA sempena hari pertama sebagai Pengerusi KADA di Kota Bharu pada Selasa.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 8 |


# Demi bantu rakyat saya akan 'flip-flop': PM

**Dewan Rakyat** semalam bermula kecoh dengan isu 'flip-flop' atau keputusan bertukar-tukar membabitkan Kerajaan Perpaduan, dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak kisah sama sekali bertindak sedemikian demi kepentingan beban rakyat.

Perkara itu dibangkitkan Datuk Dr Zulkafperi Hanapi (PN-Tanjong Karang) merujuk beberapa keputusan dibuat Kerajaan Perpaduan, antaranya isu pemberian subsidi ayam dan telur serta ketetapan berhubung biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi untuk pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Perdana Menteri ketika menjawab perkara itu, menegaskan pendirian kerajaan dalam isu berkenaan bukanlah bersifat 'flip-flop' sebaliknya ia adalah dasar baharu di bawah Kerajaan Perpaduan.

"Pengumuman itu bukan 'flip-flop'. (Ia) keputusan lama yang diumum ikut prosesnya, tapi bila dimaklum kepada saya dan diteliti balik, ini akan membebankan rakyat, raya haji dekat. Kita tolonglah rakyat.

"Kalau pun 'flip-flop' untuk bantu rakyat, saya akan 'flip-flop'. Buat apa tak mahu 'flip-flop' tapi bebankan rakyat," katanya ketika Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQ) di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, mengenai subsidi ayam dan telur yang akan berakhir 30 Jun serta biasiswa JPA bagi bidang perubatan, pergigian dan farmasi dihentikan, ia adalah berdasarkan keputusan lama yang dibuat ketika pentadbiran lalu.

**Keputusan lama**

"Keputusan JPA (menghentikan biasiswa) ini keputusan lama. Ada rekod. Saya hadir mesyuarat JPA, memang ada keputusan lama untuk mengkaji semula dan menghentikan (biasiswa).

"Yang diumumkan itu keputusan lama. Bila saya mempengerusikan mesyuarat JPA, keputusannya yang saya buat, (iaitu) sambung biasiswa.

"Begitu juga mengenai ayam dan telur. Keputusan (subsidi) habis Jun, itu keputusan lama dan kementerian hanya umumkan keputusan (lama). (Selepas) rujuk kepada Menteri Kewangan dan Perdana Menteri, saya kata sambung (subsidi)," katanya.

Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, sekiranya beliau tidak membuat keputusan yang digambarkan Ahli Parlimen Tanjong Karang sebagai 'flip-flop' itu, maka kerajaan perlu meneruskan beberapa keputusan pentadbiran lalu yang membebankan rakyat seperti menaikkan tarif elektrik kepada semua pengguna.

"Kalau tak mahu 'flip-flop', keputusan Kabinet dulu masa Perikatan Nasional (PN) naik elektrik untuk semua. Tapi Perdana Menteri Tambun tukar. (Keputusan) 'flip-flop' tidak bebankan rakyat.

"Kalau keputusan itu membebankan rakyat, YB Tanjong Karang patut bangkit. (tetapi) keputusan (dibuat) membantu rakyat, YB Tanjong Karang nak jadi juara siapa?" soalnya.

Dalam pada itu, Datuk Rosol Wahid (PN-Hulu Terengganu) bangun mencelah dan mendakwa jawapan Anwar mengenai tarif elektrik tidak tepat kerana Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu (PH-Kota Raja) yang mengumumkan subsidi ayam dan telur akan ditamatkan pada 30 Jun ini dan harganya diapungkan bermula 1 Julai depan.

"Betul YB Kota Raja kata terpaksa hentikan subsidi bulan Jun, (tetapi) ikut keputusan lampau. YB Tambun kata sambung. Apa masalahnya?" katanya.

Mengulas kenyataannya mengenai perolehan vaksin COVID-19 dibuat tanpa persetujuan Peguam Negara yang didakwa bercanggah usul Kementerian Kesihatan (KKM) di Parlimen, Perdana Menteri mempertahankannya.

"Soal vaksin, Yang Berhormat (YB) Tanjong Karang tak teliti keseluruhannya (kandungan Kertas Putih Pengurusan Perolehan Vaksin COVID-19). Ada kebenaran dibangkitkan, ada sebahagian yang tidak dirujuk kepada Peguam Negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 14/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# 'Saya akan buat keputusan *flip-flop* demi bantu rakyat'

**KUALA LUMPUR** – Keputusan meneruskan pemberian subsidi ayam, telur serta biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang diumumkan baru-baru ini bukan keputusan *flip-flop*, sebaliknya ia merupakan dasar baharu di bawah Kerajaan Perpaduan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau tidak kisah mengambil keputusan *flip-flop* sekiranya tindakan itu dapat meringankan beban rakyat.

"Kalau pun *flip-flop* untuk bantu rakyat, saya akan *flip-flop*. Kalau tak mahu *flip-flop*, keputusan Kabinet dulu, masa Perikatan Nasional (PN) apa dia? Naik elektrik untuk semua, saya tukar.

"Maknanya, Perdana Menteri Tambun tukar (keputusan kerajaan sebelum ini). *Flip-flop* tak bebankan rakyat dan tak nak naikkan tarif elektrik," katanya semasa sesi pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Zulkafperi Hanapi (**PN-Tanjung Karang**) yang ingin tahu mengenai dasar *flip-flop*, antaranya isu pemberian subsidi ayam dan telur serta biasiswa JPA dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi.

Tambah Anwar, keputusan tiada lagi subsidi ayam dan telur daripada kerajaan bermula 1 Julai adalah keputusan lama dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan hanya mengumumkan mengikut proses.

Bagaimanapun, kata beliau, selepas diteliti dan tindakan itu akan membebankan rakyat, Kerajaan Perpaduan mengambil keputusan untuk menyambung subsidi tersebut.

Anwar berkata, perkara sama turut dilakukan melibatkan program biasiswa di bawah JPA khususnya untuk pelajar jurusan perubatan, pergigian dan farmasi.



**ANWAR maklumkan apa juga keputusan kerajaan ketika ini adalah demi kepentingan rakyat.**